

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU – BN]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengelakkan masalah tunggakan gaji yang dialami oleh pemain-pemain bola sepak negara daripada terus berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan pasukan bola sepak negeri dan kelab adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Negeri dan Kelab bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Berdasarkan kepada statut peraturan *Federation Internationale de Football Association* (FIFA), pihak kerajaan tidak mempunyai hak dan kuasa untuk mencampuri perihal berkaitan pengurusan sesuatu persatuan atau pengurusan pasukan bola sepak.
2. Namun begitu, pihak Kementerian memandang serius isu tunggakan gaji pemain sebagaimana yang dilaporkan di media massa yang melibatkan beberapa buah pasukan bola sepak negeri dan kelab. Masalah tunggakan gaji pemain-pemain bola sepak ini jika tidak dibendung dan diselesaikan segera boleh merencangkan perkembangan pembangunan serta prestasi bola sepak negara secara keseluruhannya.
3. Pihak Kementerian selaku institusi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kemajuan sukan negara dan kebajikan atlet-atlet, sentiasa menasihati pihak FAM agar mengadakan rundingan yang lebih kerap dan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan isu ini tidak berlaku lagi. Sekian, terima kasih.